

EKONOMI TINGKATAN 5 CIKGU FARID

EKONOMI TINGKATAN 5			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	EKONOMI DAN KERAJAAN		
	1.1 PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI		
	1.2 PENUNJUK EKONOMI		
	1.3 ALAT DASAR EKONOMI		
2	MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL		
	2.1 GLOBALISASI		
	2.2 PERDAGANGAN ANTARABANGSA		
	2.3 IMBANGAN PEMBAYARAN		
	2.4 KADAR PERTUKARAN ASING		

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh sebuah firma.

Firma MKS mempunyai modal sebanyak RM350 000 untuk mengeluarkan syampu dan sabun mandi. Kos pengeluaran syampu RM200 000 manakala sabun mandi RM250 000.

Bagaimanakah firma MKS menyelesaikan masalah tersebut?

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri ekonomi Islam.

Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu.

Jelaskan ciri tersebut.


[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam pasaran batik tempatan.

Lambakan batik dari Indonesia, China, Korea dan Thailand dipasarkan secara berleluasa di negara ini bagi menarik minat pembeli tempatan.

Sumber: bharian.com.my, 14 Mac 2019

Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap pasaran batik tempatan.



[5 markah]

- (d) Jadual 1 menunjukkan kuantiti permintaan bagi satu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
1.00	9
2.00	7
3.00	3

Jadual 1

- (i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan jika harga meningkat daripada RM1.00 kepada RM3.00.

[2 markah]

- (ii) Tafsirkan nilai di 1(d)(i).

[3 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perkhidmatan bank perdagangan.

Akaun Simpanan

Akaun Simpanan Tetap

Bandingkan kedua-dua perkhidmatan tersebut.

[5 markah]

- (b) Jelaskan kelebihan pembayaran secara tunai.

[5 markah]

- (c) Kelab Usahawan sebuah sekolah memberikan maklumat berkaitan dengan perniagaan kuih pau untuk sehari.

Jualan	250 biji
Kos bahan mentah	RM50.00
Upah buruh	RM50.00
Sewa gerai	RM10.00
Kos kotak pembungkus	RM25.00
Harga pau	RM1.00 sebiji

- (i) Hitung keuntungan perniagaan tersebut.

[3 markah]

- (ii) Kenal pasti jenis kos pengeluaran bagi sewa gerai.
Jelaskan.

[3 markah]

- (d) Jelaskan konsep eksternaliti negatif dalam pengeluaran.

[4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan satu jenis inflasi dalam ekonomi.

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah bank pusat menggunakan kadar faedah untuk mengawal inflasi?

[4 markah]

- (b) Situasi berikut berkaitan dengan sejenis pengangguran.

Ahmad telah berhenti kerja sebagai pengurus ladang tenusu di New Zealand untuk bersama keluarganya di Kuala Lumpur. Dia masih mencari pekerjaan baharu yang bersesuaian dengan kemahirannya.

(i) Nyatakan jenis pengangguran dalam situasi tersebut.

[1 markah]


(ii) Terangkan jawapan di 3(b)(i).

[3 markah]

(c) Bagaimanakah infrastruktur pengangkutan yang baik dapat menggalakkan globalisasi?

[4 markah]

(d) Rajah berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.



(i) Apakah urus niaga X, Y dan Z?

[3 markah]

(ii) Jelaskan ketiga-tiga urus niaga tersebut.

[3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Temu bual dua individu berikut berkaitan dengan dilema persiapan sekolah dan raya.

Individu A	Individu B
Bagi keperluan sekolah, saya utamakan hal-hal berkaitan buku dan yuran sekolah. Selepas itu barulah digunakan untuk membeli pakaian serta kasut sekolah. Tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang, saya memilih pendekatan pakai selagi muat. Pakailah kasut yang ada selagi tidak ketat dan haus. Begitu juga dengan baju sekolah. Untuk persiapan raya, cukup sekadar sepasang baju melayu.	Pada pandangan saya, sesi persekolahan dan hari raya sama penting. Akan tetapi saya bersyukur kerana persiapan sekolah tidak memerlukan kos yang banyak memandangkan kerajaan turut memberi bantuan kepada setiap murid. Selain itu pakaian, kasut dan beg sekolah anak-anak masih elok dan ini sudah pun menjimatkan perbelanjaan untuk menghadapi sesi persekolahan baharu.

Sumber: Diubah suai daripada hmetro.com, 2 Februari 2023

- (a) Jelaskan implikasi pilihan **Individu A**. [7 markah]
- (b) Berdasarkan konsep keperluan dan kehendak, setujukah anda dengan pandangan **Individu B**? Beri alasan. [9 markah]
- (c) (i) Nyatakan jenis perbelanjaan kerajaan yang dimaksudkan dalam temu bual **Individu B**. [1 markah]
- (ii) Jelaskan jenis perbelanjaan di 4(c)(i). [3 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu aktiviti ekonomi.

KUALA LUMPUR – Pelaburan Langsung Asing (FDI) negara mencatatkan peningkatan aliran masuk bersih sebanyak RM7.2 bilion berbanding RM3.1 bilion pada suku sebelumnya. Penerima FDI terbesar ialah sektor perkhidmatan melibatkan kewangan, perlombongan dan pengkuarian dari Hong Kong, China dan United Kingdom.

Sumber: kosmo.com.my, 17 November 2023

- (a) Mengapakah berlakunya peningkatan tersebut? [4 markah]
- (b) Peningkatan tersebut dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara. Buktikan. [9 markah]
- (c) Bagaimanakah peningkatan tersebut memberi manfaat kepada anda? [7 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan kesan pandemik Covid-19 ke atas industri penerbangan.

Ketika industri penerbangan dunia dilanda kemerosotan akibat Covid-19, negara Malaysia tidak terkecuali menerima kesannya. Sebuah syarikat penerbangan di Malaysia telah menamatkan perkhidmatan sebahagian kakitangannya.

Encik Rafidi telah kehilangan pekerjaan sebagai juruterbang di syarikat penerbangan tersebut walaupun telah berkhidmat selama 10 tahun. Beliau kini menjadi peniaga makanan untuk menyara hidup keluarganya.

Sumber: Diubah *suai* daripada hmetro.com.my, 7 November 2020

- (a) Mengapakah syarikat penerbangan tersebut bertindak sedemikian? [7 markah]
- (b) Kerjaya yang diceburi oleh Encik Rafidi selepas kehilangan pekerjaan memberi banyak kelebihan.
Beri pandangan anda. [9 markah]
- (c) Kemerosotan industri penerbangan memberi kesan terhadap imbalan akaun semasa negara.
Anda bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelaskan. [4 markah]

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan terhadap pembelian satu barangan.

Bermula 1 Januari 2024, Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan mengenakan cukai jualan sebanyak 10 % ke atas barang bernilai rendah (LVG) diimport berharga bawah RM500 yang dijual secara dalam talian.

Sebelum ini pembeli yang membeli barangan daripada peniaga luar negara melalui mana-mana platform e-dagang tidak dikenakan sebarang cukai. Kerajaan menganggarkan kutipan sebanyak RM200 juta melalui tindakan ini.

Sumber: Diubah *suai* daripada sinarharian.com.my, 16 Disember 2023.

- (a) Dengan bantuan keluk, jelaskan kesan tindakan kerajaan terhadap permintaan pembeli. [7 markah]
- (b) Jika kerajaan tidak mengambil tindakan tersebut, nilai mata wang negara akan terjejas.
Jelaskan. [4 markah]
- (c) Tindakan kerajaan tersebut akan mengurangkan perbelanjaan pembeli.
Bincangkan. [9 markah]